

**TERMA DAN SYARAT PERADUAN TAHUN KEWANGAN 2025 “GADAI JANJI DENGAN KAMI, GANJARAN TUNAI UNTUK ANDA”**

1. Peraduan “Gadai Janji dengan Kami, Ganjaran Tunai untuk Anda” (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Peraduan”) bermula pada **15 Januari 2025** dan akan berakhir pada **31 Disember 2025 (termasuk kedua-dua tarikh)** (“Tempoh Peraduan”).
2. Peraduan ini terbuka kepada pelanggan Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad sedia ada yang layak (secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”). Untuk berpeluang memenangi hadiah, pelanggan sedia ada boleh memperoleh penyertaan setelah memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3 Terma dan Syarat ini dengan pelaksanaan tarikh perjanjian pinjaman/pembiayaan yang jatuh dalam tempoh Peraduan, kecuali Kriteria Kelayakan No. 7.

Nota: Borang penyertaan peraduan tidak diperlukan.

3. Kriteria kelayakan adalah seperti yang berikut (“Pelanggan Layak”):

No.	Kriteria Kelayakan	Bilangan Penyertaan								
1	Pelanggan Pinjaman Gadai Janji ( <i>Mortgage Loan</i> atau ML)/Pembiayaan Rumah ( <i>Home Financing</i> atau HF) Maybank yang menyelesaikan pembayaran ML/HF mereka dengan Maybank tetapi berjaya merujuk pembeli hartanah mereka kepada Maybank untuk ML/HF* baharu <i>*Tertakluk pada fasal 13</i>	1								
2	Pelanggan ML/HF Maybank sedia ada yang mengambil ML/HF baharu daripada Maybank	1								
3	Pelanggan Maybank sedia ada yang membiayai semula pinjaman/pembiayaan mereka daripada institusi kewangan lain kepada Maybank	1								
4	Pelanggan ML/HF Maybank yang menyelesaikan pembayaran ML/HF mereka dengan Maybank disebabkan jualan hartanah untuk tujuan menaik taraf dan mengambil ML/HF baharu mereka dengan Maybank	1								
5	Pelanggan Maybank sedia ada yang merujuk pelanggan baharu kepada Maybank untuk ML/HF dengan Maybank* <i>*Tertakluk pada fasal 13</i>	1								
6	Pelanggan ML/HF sedia ada yang menyelesaikan ML/HF mereka dengan Maybank dan kembali untuk ML/HF baharu dengan Maybank dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pembayaran penuh	1								
7	Pelanggan ML/HF sedia ada Maybank yang penggunaan overdraf ( <i>overdraft</i> atau OD)/kemudahan tunai ( <i>cashline</i> atau CL) pada setiap akhir bulan mencecah 50% atau lebih daripada had pengeluaran yang dibenarkan	1								
8	<p>Pelanggan ML/HF Maybank yang meletakkan deposit baharu dengan Maybank selama 6 bulan minimum dalam tempoh kempen ganjaran dari 1 April 2025 hingga 31 Ogos 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) seperti yang di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Amaun deposit ke dalam deposit tetap atau akaun simpanan</th> <th>Bilangan penyertaan automatik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM300,000.00 - RM499,999.99</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>RM500,000.00 - RM999,999.99</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>RM1 juta &amp; ke atas</td> <td>15</td> </tr> </tbody> </table>	Amaun deposit ke dalam deposit tetap atau akaun simpanan	Bilangan penyertaan automatik	RM300,000.00 - RM499,999.99	5	RM500,000.00 - RM999,999.99	10	RM1 juta & ke atas	15	5 - 15 (tertakluk pada amaun yang didepositkan)
Amaun deposit ke dalam deposit tetap atau akaun simpanan	Bilangan penyertaan automatik									
RM300,000.00 - RM499,999.99	5									
RM500,000.00 - RM999,999.99	10									
RM1 juta & ke atas	15									

	Nota: Pelanggan ML/HF Maybank yang menyertai program ganjaran ini tidak layak mendapat apa-apa ganjaran/insentif lain bagi deposit yang sedang ditawarkan secara serentak oleh Maybank dalam tempoh program ini.	
--	--	--

4. Hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan Layak dalam Peraduan ini adalah:

<b>PEMILIHAN UTAMA - SUKU PERTAMA 2026</b>	
<b>1X Hadiah Utama</b>	<b>Baucar tunai bernilai RM10,000</b>
<b>1X Hadiah Pertama</b>	<b>Baucar tunai bernilai RM 5,000</b>
<b>1X Hadiah Kedua</b>	<b>Baucar tunai bernilai RM 3,000</b>
<b>1X Hadiah Ketiga</b>	<b>Baucar tunai bernilai RM 2,000</b>
<b>Jumlah</b>	<b>Baucar tunai bernilai RM20,000</b>

5. Pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi melalui telefon oleh wakil Maybank dan setiap pemenang dikehendaki menjawab satu (1) soalan berkaitan Peraduan tersebut dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai pemenang.
6. Jika pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi melalui telefon berdasarkan rekod yang disimpan di cawangan Maybank yang menguruskan akaun ML/HF anda pada percubaan pertama atas sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan yang berikut:
- a) Tiada jawapan;
  - b) Nombor tiada dalam perkhidmatan;
  - c) Tiada sambungan;
  - d) Dihantar ke mel suara;
- Percubaan kedua akan dibuat dalam tempoh dua (2) jam berikutnya daripada percubaan pertama untuk menghubungi pemenang yang disenarai pendek.
7. Jika percubaan kedua juga tidak berjaya disebabkan oleh keadaan yang dinyatakan dalam fasal 6 di atas, Maybank berhak membatalkan kelayakan pemenang pertama yang disenarai pendek dan terus menghubungi pemenang atau pemenang-pemenang yang disenarai pendekkan seterusnya untuk setiap Kategori Hadiah yang dinyatakan dalam fasal 4 di atas.
8. Maybank berhak mengikut budi bicaranya untuk memilih pemenang tambahan bagi menggantikan mana-mana pemenang yang mungkin tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa sebab sekalipun tanpa memberikan apa-apa sebab sepanjang Tempoh Peraduan.
9. Semua penyertaan berkelayakan yang direkodkan oleh Maybank adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Keputusan Maybank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat. Surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
10. Semua nama pemenang akan disiarkan di halaman Facebook rasmi Maybank dan/atau halaman promosi Peraduan di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dan/atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang mungkin difikirkan sesuai oleh Maybank.
11. Pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain, seperti dan apabila dikehendaki, dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan pemenang bersetuju dengan apa-apa pendedahan tentang majlis atau program tersebut dalam apa jua cara seperti yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan pembatalan hak ke atas hadiah tersebut.
12. Semua hadiah untuk Peraduan tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan apa-apa hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pengumuman pemenang dibuat akan dibatalkan. Sekiranya pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini, Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah tersebut.

### 13. Terma tentang Rujukan Pelanggan Baharu

Dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Rujukan, pelanggan Maybank sedia ada (“Perujuk Layak”) bersetuju, menyatakan, berjanji dan mengesahkan kepada Maybank perkara yang berikut: -

- a) Memastikan pelanggan berpotensi yang dirujuk kepada Maybank (“Orang Dirujuk Layak”) ialah seorang yang berhemat;
- b) Perujuk Layak telah mendapatkan kebenaran Orang Dirujuk Layak untuk mendedahkan nama dan butiran hubungan kepada Maybank bagi tujuan yang berkenaan dengan Peraduan ini;
- c) Maybank tidak berkewajipan untuk menyediakan atau memberikan Perujuk Layak apa-apa perincian tentang Orang Dirujuk Layak;
- d) Perujuk Layak telah memaklumkan Orang Dirujuk Layak dan Orang Dirujuk Layak tersebut tidak membantah untuk Maybank menghubunginya bagi tujuan yang berkenaan dengan Peraduan ini;
- e) Perujuk Layak bersetuju dan membenarkan namanya didedahkan kepada Orang Dirujuk Layak bagi tujuan yang berbangkit daripada Peraduan ini; dan
- f) Semua maklumat yang diberikan oleh Perujuk Layak berkaitan dengan Peraduan ini tentang Orang Dirujuk Layak mestilah benar, tepat, terkini dan lengkap.

Perujuk Layak yang tidak mematuhi terma yang disebutkan di atas akan serta-merta dibatalkan kelayakannya daripada Peraduan ini dan tidak layak untuk ganjaran Peraduan.

### 14. Terma dan Syarat Am

- 14.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u atau Maybank2e dengan syarat kegagalan tersebut bukan disebabkan oleh Maybank.
- 14.2 Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan ini lebih awal secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan berhak mengubah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu dan notis berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui mana-mana saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat atau sebaliknya mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 14.3 Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara berkala untuk melihat Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya terdapat mana-mana Terma dan Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- 14.4 Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan bersetuju membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Penyata Privasi Maybank”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Peraduan; dan

- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta jawapan dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berhubung dengan Peraduan.

Nota: "PDPA" merujuk Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- 14.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Peraduan ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak dalam Peraduan ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Peraduan ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiannya atau ketinggalan melampau oleh Maybank.
- 14.6 Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dalam kewajibannya di bawah Peraduan ini disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa kejadian dan keadaan dalam apa jua bentuk yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 14.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Peraduan dan/atau prosesnya atau pengendalian Peraduan ini yang termasuk aktiviti pemalsuan yang melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berkaitan Peraduan.
- 14.8 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk pada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Peraduan ini, sila hubungi talian utama Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).